

SOALAN NO.: 8

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING
KAWASAN : SERDANG
TARIKH : 25 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. DR. ONG KIAN MING (SERDANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak membenarkan U-turn sebelum Plaza Tol Sungai Long (dari arah Sungai Long) di Lebuh Raya SILK memandangkan pusingan-U yang telah dibina di Lebuh Raya KESAS sebelum exit USJ dan di Lebuh Raya SILK sebelum Tol Bukit Kajang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pusingan-U sebelum plaza tol Sg. Long (dari arah Sg Long) di Lebuh Raya SILK tidak dapat dipertimbangkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) atas faktor keselamatan. Ini kerana laluan ke plaza tol tersebut terletak di kawasan menuruni bukit dan geometri kelebaran jalan di kawasan plaza tol berkenaan juga tidak memenuhi piawaian teknikal yang ditetapkan untuk membolehkan kenderaan membuat pusingan-U dengan selamat.

Sekian, terima kasih.